

02 SEP 1997

Najib-Komanwel

UNIVERSITI COMANWEL MULA OPERASI SEPTEMBER 1998

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Universiti Antarabangsa dan Komanwel Malaysia akan memulakan operasinya pada September tahun depan dengan pengambilan akademik pertama 75 pelajar lepas ijazah.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata universiti itu akan ditempatkan sementara waktu di Ipoh.

Kampus utama universiti itu ialah di kawasan seluas 400 hektar di Tapah, Perak yang akan dibangunkan bersama-sama bandar baru oleh syarikat Renong Group Berhad, katanya kepada pemberita selepas menyerahkan surat pelawaan kepada pengerusi International and Commonwealth University of Malaysia Bhd (dahulunya dikenali sebagai The Batang Padang Incorporated Berhad) Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini hari ini.

Universiti swasta yang kelima itu akan menawarkan kursus lepas ijazah mengenai pengajian pengurusan, pengajian serantau, tamadun Asia serta undang-undang pelaburan dan perdagangan Asia.

Empat universiti swasta yang ditubuhkan sebelum ini ialah Universiti Telekom, Universiti Petronas, Universiti Tenaga dan Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST).

Najib berkata penubuhan universiti dengan nilai pelaburan RM600 juta itu bertujuan mewujudkan sebuah institusi bertaraf dunia dengan kerjasama Universiti Cambridge.

Kursus ijazah akan bermula September 2000 dengan pengambilan 700 pelajar. Kursus yang ditawarkan ialah kejuruteraan, sains komputer, pembangunan ekonomi dan pengajian serantau.

Universiti itu dijangka mempunyai keupayaan 2,600 tempat pada tahun 2003.

Sebelum itu, dalam ucapannya Najib berkata universiti yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu hendaklah dilihat sebagai sumbangan Malaysia kepada sektor pendidikan Komanwel.

Katanya penubuhan universiti itu adalah unik kerana menerusi kerjasama dengan Universiti Cambridge bukan sahaja akan menyediakan kepandaian tetapi lebih penting lagi konsep pendidikan daripada sebuah universiti yang cemerlang dan berprestij.

Menurut Najib, penubuhan Universiti Komanwel itu diterima baik oleh negara-negara anggota Komanwel yang lain yang menyifatkannya sebagai sumbangan yang amat bermakna.

Katanya idea penubuhan universiti itu menjadi buah mulut pada mesyuarat ke-13 menteri-menteri pendidikan Komanwel di Gabarone, Botswana pada Julai lepas.

Ketika ditanya pemberita sama ada akan wujud lebih banyak kerjasama antara universiti antarabangsa dan institusi pengajian tinggi tempatan, Najib berkata beberapa buah universiti lain sedang dipertimbangkan untuk kerjasama dengan perusahaan Malaysia. Bagaimanapun jumlah dan universiti yang terlibat belum diketahui.

"Strategi kita ialah untuk mempelawa universiti terbaik dalam dunia akademi supaya universiti yang dirancang itu sinonim dengan pendidikan cemerlang," katanya.

Ahmad Sarji pula berkata: "Matlamat univesiti itu ialah untuk mencapai tahap kecemerlangan tertinggi pendidikan dan menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada pelajar cemerlang, sama ada dari Malaysia, rantau Asean, Komanwel dan dari Eropah sendiri."

Katanya kerjasama Cambridge dalam univesiti itu bukan sahaja membawa

bersama-samanya tradisi, pengalaman, dan kelebihan kemajuan berterusan dari sebuah universiti yang cemerlang, tetapi juga hubungan luas dengan pusat pengajian akademik cemerlang di seluruh dunia.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah wakil Jawatankuasa Penasihat Akademik Universiti Cambridge Prof Dr Anil Seal. -- BERNAMA

HS AHH